

08 DEC 1997

Asean-Sidang

SIDANG KEMUNCIAK ASEAN DI TENGAH-TENGAH KELEMBAPAN EKONOMI RANTAU

KUALA LUMPUR, 8 Dis (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Asean akan bertemu di sini bagi sidang kemuncak tidak formal kedua Asean minggu depan di tengah-tengah usaha berterusan untuk menangani masalah ekonomi yang timbul selepas serangan spekulatif terhadap mata wang beberapa negara anggota.

Para pegawai berkata persidangan itu yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kali ini lebih signifikan memandangkan kesemua sembilan ketua kerajaan Asean akan bertemu dengan pemimpin-pemimpin dari China, Jepun dan Korea Selatan, iaitu rakan perdagangan tradisional bagi Asean.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Abdul Kadir Mohamad berkata, tiada agenda formal ditetapkan bagi sidang tidak formal itu yang juga dikenali sebagai Sidang Kemuncak Peringatan Asean untuk meraikan kewujudan Asean selama 30 tahun.

"Tetapi sidang kemuncak itu sangat penting memandangkan buat masa ini beberapa negara di Asia Tenggara menghadapi kesan daripada penurunan nilai mata wang," kata beliau semasa memberi taklimat kepada media mengenai sidang kemuncak tidak formal itu di sini, hari ini.

Walaupun tiada agenda digariskan, adalah dijangkakan pemimpin-pemimpin akan mengkaji semula keputusan yang dibuat di sidang kemuncak informal pertama di Jakarta, membuat persiapan bagi mesyuarat Asean bersama China, Jepun dan Korea Selatan - Asean Campur Tiga - dan membincangkan proses globalisasi.

Sidang kemuncak tidak formal itu akan bermula pada malam Ahad dengan jamuan makan diikuti dengan persidangan pada Isnin. Sidang kemuncak Asean Campur Tiga yang terulung juga akan diadakan pada Isnin sementara mesyuarat dua hala antara Asean dan ketiga-tiga negara itu dijangkakan pada Selasa.

Abdul Kadir berkata, Menteri-menteri Kewangan Asean yang bertemu di Kuala Lumpur baru-baru ini akan mengemukakan laporan bertulis kepada pemimpin-pemimpin Asean untuk memperkuatkan azam rantau ini dalam menangani masalah ekonomi sekarang.

Menteri-menteri Luar Indonesia, Thailand dan Filipina yang diberi tanggungjawab dalam menentukan peranan Asean dalam membawa balik keamanan di Kemboja, juga dijangka memberi taklimat mengenai perkembangan terkini mengenainya.

Kemasukan Kemboja dalam perkumpulan itu semasa Mesyuarat Menteri-menteri Asean ke 30 di sini, Julai lepas terpaksa ditunda kerana masalah politik di negara itu tetapi kemasukan Laos dan Myanmar berjalan mengikut jadual.

Mengenai Mesyuarat Asean Campur Tiga, Abdul Kadir berkata: "Saya menjangka mesyuarat itu membincangkan cara-cara mewujudkan semula keyakinan di rantau ini memandangkan hubungan Asean Campur 3 adalah berdasarkan sokongan dan kemakmuran bersama."

Pegawai-pegawai Asean, kata beliau, berharap isu-isu seperti prospek bagi Asia Timur pada abad ke 21, kerjasama ke arah kestabilan ekonomi serantau, persiapan bagi mesyuarat Asia-Eropah kedua di London pada April dan kerjasama serantau di Lembangan Mekong akan dibincangkan.

Beliau berkata, juga semasa sidang kemuncak itu Menteri-menteri Luar Asean akan menandatangani satu memorandum persefahaman bagi mewujudkan Yayasan Asean bertujuan mempercepatkan kerjasama dalam Asean di pelbagai bidang seperti pendidikan.

Asean terdiri daripada Brunei, Singapura, Thailand, Malaysia, Laos,

Myanmar, Indonesia, Filipina dan Vietnam. -- BERNAMA  
MAM PR